

05/02/1997

Gugur perkataan Baru pada Umno wajar

KOTA BHARU, Selasa - Cadangan menukarkan nama Umno kepada asal dengan menggugurkan perkataan `Baru' adalah suatu langkah tepat dan wajar, berikutan tiada lagi parti serpihan Umno, iaitu Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang sudah dibubarkan.

Bekas Pengerusi Badan Perhubungan S46 Kelantan, Datuk Mohd Rozali Isohak, berkata hakikatnya Umno yang menjadi teraju pemerintahan negara menerusi komponen parti Barisan Nasional (BN) adalah Umno asal.

"Jika tiada lagi perkataan itu, ahli parti akan terasa mereka sebenarnya berada dalam sebuah parti sudah lama berjuang membela nasib orang Melayu sejak negara belum merdeka lagi," katanya.

Baru-baru ini, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik, berkata pemohonan menukar nama Umno kepada asal dengan menggugurkan perkataan `Baru' akan dilakukan jika dipersetujui Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Beliau akan melaporkan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jika dipersetujui ia mungkin dibincangkan dalam mesyuarat MT Mac ini.

Rozali berkata, berasaskan sejarah, kedudukan Umno yang menjadi payung kepada orang Melayu tidak perlu dipertikai dan dinafikan oleh mana-mana pihak.

(END)